Sum Yat Loy lwn Pendakwa Raya

A

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO W-05–11 TAHUN 2009
AHMAD MAAROP, CLEMENT SKINNER DAN APANDI ALI HHMR
4 MEI 2012

B

Prosedur Jenayah — Rayuan — Dapatan hakim bicara — Kesalahan membunuh — Tertuduh dijatuhkan hukuman mati — Sama ada hakim bicara khilaf dalam menolak pembelaan tertuduh — Sama ada tertuduh siuman semasa membunuh — Sama ada tertuduh boleh membangkitkan Pengecualian-Pengecualian 1, 2 dan 4 s 300 Kanun Keseksaan dan pembelaan di bawah s 84 Kanun yang sama

C

D

Undang-Undang Jenayah — Kesalahan membunuh — Pembelaan — Pembelaan tidak siuman — Sama ada tertuduh siuman semasa membunuh — Sama ada tertuduh boleh membangkitkan Pengecualian-Pengecualian 1, 2 dan 4 s 300 Kanun Keseksaan — Kanun Keseksaan s 84

E

Di Mahkamah Tinggi, perayu telah dituduh membunuh isterinya ('Ah Chai'), satu kesalahan bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun'). Pada hari kejadian, jiran perayu ('SP9') telah terdengar bunyi bising di rumah perayu dan telah keluar dari rumahnya untuk melihat apa yang terjadi. Daripada tepi pagar di antara rumahnya dan rumah perayu, SP9 melihat perayu dan Ah Chai di pintu bilik pertama dengan lantai yang berlumuran darah. Perayu dilihat sedang menekan bahu Ah Chai dengan tangan kiri sementara tangan kanannya memegang pisau. Menurut SP9, perayu mencucuk kepala Ah Chai dengan pisau. SP9 terus menjerit dan berteriak 'Awak sudah bodohkah, ini isteri kamu?. Perayu melihat SP9 dan menjerit dalam keadaan marah, menyuruhnya beredar. SP9 terus melaporkan kejadian tersebut kepada polis. Pegawai Polis ('SP17') yang menjalankan siasatannya telah menjumpai sebilah pisau. Pakar Forensik Pathologi ('SP11') yang menjalankan bedah siasat ke atas Ah Chai mendapati 14 kesan luka hiris pada kepala dan leher Ah Chai. Menurut SP11, sebab kematian Ah Chai adalah pendarahan yang banyak akibat luka-luka hiris berganda kepada kepala. Di akhir kes pihak pendakwaan, hakim bicara memutuskan bahawa kes prima facie telah berjaya dibuktikan terhadap perayu dan perayu telah dipanggil untuk membela diri. Perayu membangkitkan pembelaan tidak siuman di bawah s 84 Kanun. Dalam keterangannya perayu menyatakan bahawa dia tidak tahu kenapa dia berada di mahkamah kerana dia tidak ingat kejadian pada hari itu. Perayu juga mengatakan bahawa dia tidak ingat bahawa dia mempunyai anak dan isteri. Di akhir kes pembelaan, hakim bicara mendapati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah dan perayu didapati bersalah, disabitkan atas

F

G

H

I

pertuduhan dan dijatuhkan hukuman mati. Dalam rayuan ini, perayu menghujahkan bahawa hakim bicara telah membuat kesilapan kerana tidak menimbangkan Pengecualian-Pengecualian 1, 2 dan 4 s 300 Kanun yang dibangkitkan oleh perayu; dan bahawa hakim bicara silap faham apabila beliau membuat dapatan bahawa perayu siuman pada hari kejadian.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Tidak terdapat keterangan yang mencukupi untuk membuktikan Pengecualian-Pengecualian 1, 2 dan 4 s 300 Kanun terpakai. Mengenai Pengecualian 1, tiada keterangan untuk menunjukkan bahawa Ah Chai telah melakukan sesuatu yang merupakan bangkitan marah apatah lagi bangkitan marah yang besar dan mengejut (lihat perenggan 19).

(2) Mengenai Pengecualian 2, tidak terdapat keterangan untuk menunjukkan bahawa telah berlaku serangan yang boleh semunasabahnya menyebabkan kebimbangan kepada perayu bahawa kematian atau kecederaan parah akan berlaku, yang membolehkan dia menggunakan hak pertahanan persendirian sehingga menyebabkan kematian Ah Chai. Berdasarkan keseluruhan keterangan, terutamanya keterangan-keterangan SP9 dan SP11 tentang luka-luka tangkis yang dialami oleh Ah Chai, kesimpulan yang mesti dibuat ialah perayulah yang telah menyerang Ah Chai (lihat perenggan 19).

(3) Mengenai Pengecualian 4, tidak terdapat keterangan tentang perkelahian mengejut antara perayu dan Ah Chai. Keterangan menunjukkan bahawa perayu telah membaling parang ke arah Ah Chai dan kemudiannya mencucuk kepada Ah Chai dengan pisau. Jika pun berlaku perkelahian mengejut, keterangan menunjukkan betapa banyak dan parahnya kecederaan yang telah dialami oleh Ah Chai jika dibandingkan dengan perayu yang hanya mengalami luka kecil di jari kirinya. Tiada keterangan menunjukkan bahawa Ah Chai telah menggunakan sebarang senjata terhadap perayu. Berdasarkan keseluruhan keterangan tersebut hanya satu kesimpulan sahaja yang mesti dibuat, iaitu, bahawa perayu telah menggunakan senjata tajam bertubi-tubi ke atas Ah Chai sehingga menyebabkan kecederaan parah di tubuh Ah Chai yang membawa maut. Ertinya, jika diandaikan ada pergaduhan sekalipun, adalah jelas bahawa perayu telah mengambil kesempatan yang berlebihan atau bertindak dengan kejam atau dalam cara yang luar biasa. Oleh itu, Pengecualian 4 tidak terpakai (lihat perenggan 19).

(4) Dalam keterangannya, SP11 telah menyatakan bahawa seseorang yang mengalami kesan luka hiris yang berganda yang mengakibatkan pendarahan yang banyak, pada kebiasaannya mempunyai peluang untuk hidup yang minima. Peluang untuk mangsa dalam kes ini untuk hidup adalah sedikit. Menurut SP11, kecederaan Ah Chai boleh dalam keadaan biasa kemungkinannya menyebabkan kematian. Keterangan SP11

adalah mencukupi untuk membuktikan bahawa kecederaan-kecederaan yang dialami oleh Ah Chai adalah mencukupi pada lazimnya untuk menyebabkan kematian (lihat perenggan 18).

(5) Setelah menimbangkan keseluruhan keterangan dalam kes ini terutama keterangan tentang banyaknya bilangan kecederaan yang dilakukan ke atas Ah Chai, bahagian tubuh Ah Chai di mana kecederaan-kecederaan tersebut dilakukan, parahnya kecederaan-kecederaan tersebut, senjata yang digunakan, serta reaksi perayu yang dengan marah apabila ditegur oleh SP9 yang melihat perayu mencucuk kepala Ah Chai dengan pisau, tiada keraguan bahawa kecederaan-kecederaan yang dilakukan oleh perayu ke atas isterinya itu memang diniatkan oleh perayu (lihat perenggan 18).

(6) Berdasarkan keterangan-keterangan, kelakuan perayu menunjukkan bahawa dia sedar apa yang berlaku di sekelilingnya, dan apa yang sedang dilakukan. Pihak pembelaan telah gagal mengemukakan keterangan bahawa pada hari kejadian, perayu tidak siuman seperti yang diperuntukkan di bawah s 84 Kanun. Oleh itu hakim bicara tidak membuat kesilapan apabila beliau menolak pembelaan perayu dan seterusnya memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan melampaui keraguan yang munasabah kesalahan membunuh terhadap perayu seperti dalam pertuduhan terhadapnya (lihat perenggan 23 & 26).

[English summary

In the High Court, the appellant was charged for the murder of his wife ('Ah Chai'), an offence under s 302 of the Penal Code ('the Code'). On the day of the incident, the appellant's neighbour ('SP9') heard a loud noise at the appellant's house and came out of his house to see what had happened. From the side of the fence between his house and the appellant's house, SP9 saw the appellant and Ah Chai at the door of the first room which floor was in a pool of blood. The appellant was seen pressing Ah Chai's shoulder with his left hand while holding a knife in his right hand. According to SP9, the appellant had stabbed Ah Chai's head with the knife. SP9 kept screaming and shouting 'Awak sudah bodohkah, ini isteri kamu?'. The appellant saw SP9 and screamed angrily, asking him to leave. SP9 reported the incident to the police. The police officer ('SP17') who conducted the investigation found a knife. The forensic pathologist ('SP11') who conducted the post mortem on Ah Chai found 14 incised wound marks on Ah Chai's head and neck. According to SP11, the cause of death of Ah Chai was haemorrhage caused by the multiple incised wounds on the head. At the end of the prosecution case, the trial judge decided that a prima facie case had been successfully established against the appellant and the appellant was called to enter his defence. The appellant raised the defence of insanity under s 84 of the Act. In his evidence, the appellant stated that he did not know why he was in the court as he did not remember the

A incident on the day. The appellant also stated that he did not remember of having children and wife. At the end of the defence case, the trial judge found that the prosecution had proven its case beyond reasonable doubt and the appellant was found guilty, convicted on the charge and sentenced to death. In this appeal, the appellant contended that the trial judge had erred for not B considering the Exceptions 1, 2 and 4 of s 300 of the Code raised by the appellant; and that the trial judge had misunderstood when he made the findings that the appellant was sane on the day of the incident.

C **Held**, dismissing the appeal:

(1) There was not sufficient evidence to prove the Exceptions 1, 2 and 4 of s 300 of the Code were applicable. As for Exception 1, there was no evidence to show that Ah Chai had committed something to amount to grave provocation more so a sudden and grave provocation (see para 19).

D

(2) As for the Exception 2, there was no evidence to show that there was an attack which would reasonably cause anxiety to the appellant that death or grevious injuries would be caused, to enable him to exercise his right of defence to the extent of causing Ah Chai's death. Based on the evidence E as a whole, specially the evidence by SP9 and SP11 of the injuries in defence suffered by Ah Chai, the conclusion that must be made was that the appellant had attacked Ah Chai (see para 19).

(3) As regards Exception 4, there was no evidence as to the sudden fracas F between the appellant and Ah Chai. The evidence showed that the appellant had thrown a machete towards Ah Chai and then stabbed Ah Chai with a knife. Even if there was sudden fracas, the evidence showed that amount and the seriousness of the injuries suffered by Ah Chai compared to the appellant who only suffered small wound on his left G finger. There was no evidence to show that Ah Chai had used any weapon against the appellant. Based on the evidence as a whole there was only one conclusion that could be derived, ie that the appellant had used a sharp weapon against Ah Chai repeatedly causing grevious injuries to the body of Ah Chai that resulted in her death. That meant, even if it was assumed H that there was fracas, it was clear that the appellant had taken excessive opportunity or acted cruelly or in an unusual manner. Therefore, Exception 4 was not applicable (see para 19).

(4) In his evidence, SP11 stated that one who had suffered multiple incised wounds which caused haemorrhage, ordinarily had minimal chances of I surviving. The opportunity for the victim in this case to live was very little. According to SP11, the injuries suffered by Ah Chai could, in ordinary situation, probably cause death. The evidence of SP11 was sufficient to prove that the injuries suffered by Ah Chai was ordinarily sufficient to cause death (see para 18).

(5) Upon considering all the evidence in this case especially the evidence on the number of injuries inflicted on Ah Chai, the body parts of Ah Chai on which the injuries were inflicted, the seriousness of the injuries, the weapon used, as well as the appellant's reaction who was angry when confronted by SP9 who had witnessed the appellant stabbing Ah Chai's head with a knife, there was no doubt that the injuries caused by the appellant on his wife was in actual fact intended by the appellant (see para 18).

(6) Based on the evidence, the appellant's demeanour which showed that he was aware of what was happening around him, and what was being done. The defence had failed to adduce any evidence to show that on the day of the incident, the appellant was insane as provided under s 84 of the Code. Therefore, the trial judge had not erred when he dismissed the appellant's defence and further concluded that the prosecution had proven beyond reasonable doubt, the offence of murder against the appellant as per the charge against him (see paras 23 & 26).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai dapatan hakim bicara, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 427.
Untuk kes-kes mengenai pembelaan, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 1480–1508.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul bin Razak Dalek v PP [2010] 4 MLJ 725; [2010] 6 CLJ 357, MP (dirujuk)
Chee Kim Seng & Anor v PP [1962] 1 MLJ 32, MR (dirujuk)
Ikau anak Mail v PP [1973] 2 MLJ 153, MP (dirujuk)
John a/k Nyumbei v PP [2007] 7 MLJ 206; [2007] 2 CLJ 509, MR (dirujuk)
Lee Chin Hock v PP [1972] 2 MLJ 30, MP (dirujuk)
Lee Thian Beng v PP [1972] 1 MLJ 248, MP (dirujuk)
Mohamed Kunjo v PP [1978] 1 MLJ 51, PC (dirujuk)
PP v Awang Raduan bin Awang Bol [2006] 1 MLJ 332; [2005] 1 CLJ 649, MP (dirujuk)
PP v Megat Shahrizat Megat Shahrur [2011] 5 CLJ 608, MR (dirujuk)
PP v Megat Shahrizat bin Megat Shahrur [2013] 3 MLJ 227; [2011] 8 CLJ 893, MP (dirujuk)
Virsa Singh v State of Punjab AIR 1958 SC 465, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 105
Kanun Keseksaan ss 84, 300, Pengecualian 1, 2, 4, 300(c), 302

Rayuan daripada: Perbicaraan No 45–3 Tahun 2003 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

A

YM Tengku Amer Zaki bin Tengku Abdul Rahman (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.
Gooi Soon Cheng (Gooi & Azura) bagi pihak perayu.

B **Ahmad Maarop HMR:**

LATAR BELAKANG

C

[1] Perayu — Sum Yat Loy ('Yat Loy') telah dituduh membunuh si mati — Khee Ah Chai ('Ah Chai') pada 16 Februari 2002 jam lebih kurang 6.30 di No 4 Lorong CP 2/12, Taman Cheras Perdana, Hulu Langat, satu kesalahan yang
D boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('KK'). Mahkamah Tinggi mendapati Yat Loy bersalah, mensabitkannya dan menjatuhkan hukuman mati terhadapnya. Yat Loy telah mengemukakan rayuan ke mahkamah ini terhadap keputusan tersebut.

E KES PIHAK PENDAKWAAN

[2] Dari keterangan yang telah dikemukakan di mahkamah, inti pati kes pihak pendakwaan adalah seperti berikut. Dalam bulan Februari 2002, Mohd
F Aris bin Maarof ('SP8'), seorang pengusaha bas sekolah tinggal di rumah No 1, Lorong CP 2/12, Taman Cheras Perdana, Cheras, Kajang. SP8 telah tinggal di situ selama lebih kurang tiga tahun. Rumah SP8 adalah rumah teres satu tingkat dan terletak di *corner lot*. Di sebelah kanan rumah SP8 terdapat rumah-rumah No 3, No 2 dan No 4. Rumah No 4 bertentangan dengan
G rumah SP8. SP8 kenal dengan jiran-jirannya. Menurut SP8, rumah No 4 didiami oleh Yat Loy bersama-sama isteri dan dua orang anaknya yang berumur dalam lingkungan lima dan tiga tahun. SP8 pernah bercakap dengan Yat Loy. SP8 juga pernah melihat isteri Yat Loy (iaitu Ah Chai) berjalan di luar rumah mereka.

H

[3] Pada 16 Februari 2002 pada kira-kira jam 6.30 petang SP8 berada di padang permainan membaiki bas yang dipandunya. Padang permainan tersebut terletak di hujung rumah SP8. Jarak di antara rumah SP8 dan padang permainan tersebut ialah lebih kurang 20 meter. Pada masa itu SP8 terdengar
I suara riuh rendah di rumah No 4 (rumah Yat Loy). Kemudian, SP8 nampak Yat Loy membawa dua bilah parang dan Ah Chai memegang sebilah parang mengelilingi kereta yang terletak di 'porch' rumah mereka. SP8 nampak Yat Loy membaling parang ke arah Ah Chai dan Ah Chai menepis parang tersebut dengan papan. Parang tersebut adalah parang pemotong daging. Ah Chai

masuk ke dalam rumah mereka diikuti oleh Yat Loy. SP8 telah menghubungi Balai Polis Batu 9. Selepas itu SP8 menyambung kerja memperbaiki basnya.

[4] Dalam bulan Februari 2002 rumah No 2, Lorong CP2, Taman Cheras Perdana didiami oleh Yap Eng An ('SP9') bersama-sama rakan-rakan sekerjanya iaitu Ah Koh dan Steven. SP9 kenal jirannya, iaitu, Yat Loy, isterinya (Ah Chai) dan anak-anak mereka. Pada hari kejadian kira-kira jam 7.20 malam, SP9 baru pulang dari kerja. Masa dia sampai ke rumahnya, SP9 dengar bunyi bising macam suami isteri sedang bergaduh dari rumah No 4 (rumah Yat Loy). SP9 tidak memperdulikan bunyi tersebut. Dia terus masuk ke rumahnya untuk menonton TV. Semasa SP9 sedang menonton TV, SP9 terdengar bunyi pecahan kaca dan juga bunyi perempuan menangis dari rumah Yat Loy. SP9 keluar dari rumahnya dan berdiri di tepi pagar di antara rumahnya dan rumah Yat Loy. Melalui pintu rumah Yat Loy yang terbuka SP9 nampak Yat Loy dan Ah Chai di pintu bilik pertama. SP9 nampak pintu bilik pertama itu berlumuran darah. SP9 juga nampak Yat Loy sedang menekan bahu Ah Chai dengan tangan kiri sementara tangan kanannya memegang pisau. Pada masa itu Yat Loy berada dalam keadaan berdiri dan Ah Chai pula berada dalam keadaan duduk di atas lantai. Menurut SP9, Yat Loy mencucuk kepala Ah Chai dengan pisau P7A. Masa melihat Yat Loy mencucuk kepala Ah Chai dengan pisau, SP9 menjerit dan berkata, 'Awak sudah bodohkah, ini isteri kamu?'.

Yat Loy marah SP9 dan berkata, 'Ini bukan urusan awak, awak boleh belah!'

Pada masa itu seorang kawan SP9 berada dengannya. Pada mulanya mereka berura-ura untuk masuk ke dalam rumah Yat Loy untuk memukulnya. Tetapi kawan SP9 kemudiannya berkata, 'kita tidak harus campur tangan, baik kita telefon polis'.

SP9 lantas balik ke rumah dan menelefon polis. Setelah menghubungi polis, SP9 keluar ke tepi pagar. Pada masa itu kedua-dua anak Yat Loy berdiri di hadapan pintu besar rumah Yat Loy. SP9 memanggil kedua-dua orang anak Yat Loy ke tepi pagar (rendah) yang memisahkan rumah SP9 dan rumah Yat Loy. SP9 dan rakannya mengangkat kedua-dua budak tersebut melepasi pagar tersebut dan membawa mereka masuk ke dalam rumah mereka (rumah SP9).

[5] Panggilan telefon SP9 telah diterima pada lebih kurang jam 7.40 malam oleh Insp Saidon bin Halid ('SP4') yang sedang bertugas di Bilik Gerakan Ibu Pejabat Daerah Polis, Kajang. SP4 menghubungi Pasukan Peronda Cegah Jenayah yang berhampiran dengan tempat kejadian. Panggilan SP4 diterima oleh Kpl Dzolkepple Abu Rashid ('SP5'). SP4 mengarahkan SP5 pergi ke tempat kejadian dan membuat laporan kepadanya. SP5 dan L/Kpl Abdul Rahman Keman telah bergegas ke tempat kejadian. Apabila sampai di tempat kejadian dan menghampiri pintu utama masuk ke rumah Yat Loy, SP5 nampak percikan darah di dalam rumah. SP5 tidak masuk ke dalam rumah. SP5 telah melaporkan kepada SP4 apa yang dilihatnya. Selepas itu SP5 dan L/Kpl Abdul

Rahman membuat kawalan di hadapan pintu pagar masuk ke rumah tersebut supaya orang awam tidak masuk ke dalam rumah tersebut.

[6] Ketua Insp Jamaludin bin Ahmad ('SP14'), yang telah dimaklumkan oleh SP4 mengenai maklumat yang diterimanya, telah pergi dan sampai ke tempat kejadian pada lebih kurang jam 8.28 malam 16 Februari 2002. Dalam bilik hadapan rumah Yat Loy, SP14 nampak Yat Loy dalam keadaan bersila di atas lantai. Kedua-dua tangan Yat Loy lurus atas lantai. Di hadapan Yat Loy ada seorang perempuan (Ah Chai) dalam keadaan terbaring terlentang. Terdapat banyak kesan kecederaan pada tubuh perempuan tersebut. Dalam bilik tersebut SP14 nampak sebilah pisau terletak atas sekeping tilam span nipis. Petugas ambulan yang tiba di tempat kejadian telah mengesahkan bahawa Ah Chai telah meninggal dunia. Yat Loy telah ditangkap. SP14 telah memaklumkan kepada ASP Ramlan Hj Abdul Razak ('SP17') pegawai penyiasat kes ini, tentang apa yang didapatinya di tempat kejadian. SP17 mengarahkan SP14 mengawal tempat kejadian dan tidak membenarkan sesiapa masuk dan menyentuh atau mengubah apa-apa barang di tempat kejadian.

[7] SP17 sampai ke tempat kejadian pada lebih kurang jam 9 malam dan menjalankan siasatannya. SP17 telah menjumpai sebilah pisau (P7A) di atas tilam dalam bilik di mana isteri Yat Loy terbaring. SP17 juga menjumpai sebilah pisau 'Chopper' (P11A) yang terlekat di celah cermin naco sebelah pintu masuk hadapan rumah.

[8] Pada 17 Februari 2002 jam 10.40 pagi Dr Nurliza bt Abdullah ('SP11') pakar forensik pathologi telah menjalankan bedah siasat terhadap jasad Ah Chai yang telah dibawa ke Hospital Kajang pada 16 Februari 2002 jam 11.55 malam. Dalam pemeriksaannya SP11 mendapati 14 kesan luka hiris (*incised wounds*) di kepala dan leher Ah Chai. Dalam pemeriksaan dalamannya, SP11 mendapati kulit kepala sebelah kiri menunjukkan kesan-kesan lebam yang berpadanan dengan kesan luka hiris pada kepala. Otot kepala (*otot tempora-parietal*) juga tunjukkan kesan-kesan lebam. Juga kesan-kesan potong, juga serpihan tulang dalam lingkungan 5.5 x 1.5cm. Pada bahagian kiri belakang tulang tengkorak (*tempora-occipital area*) juga terdapat kesan potong juga serpihan tulang dalam lingkungan ukuran 7 x 0.5cm. Pada bahagian atas tulang tengkorak terdapat satu lagi kesan potong serta serpihan tulang 4.5cm panjang. Terdapat juga pendarahan pada selaput otak (*subarachnoid*). Dalam pemeriksaan dalaman SP11 mendapati pada bahagian *thorax* kedua-dua belah paru-paru telah separuh kempis. Kecederaan sebabkan pendarahan yang banyak dan ini sebabkan paru-paru separuh kempis. Menurut SP11, serpihan tulang adalah akibat tetakan yang kuat pada tulang tengkorak. SP11 juga mendapati 15 kecederaan di anggota tangan Ah Chai. Sepuluh dari kecederaan

tersebut adalah luka hiris. Menurut SP11, sebab kematian Ah Chai adalah pendarahan yang banyak yang disebabkan oleh luka-luka hiris berganda kepada kepala.

[9] Di akhir kes pihak pendakwaan, pihak pembelaan mengakui bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie terhadap Yat Loy. YA hakim bicara mendapati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie terhadap Yat Loy bagi kesalahan membunuh seperti dalam pertuduhan terhadapnya. Yat Loy telah dipanggil untuk membela dirinya.

[10] Yat Loy memberikan keterangan secara bersumpah. Dalam keterangannya Yat Loy menyatakan bahawa dia tidak tahu kenapa dia berada di mahkamah. Dia tidak ingat kejadian pada hari itu. Dia tidak ingat dia ada anak isteri. Dia rasa dia ada dua orang anak. Dia tidak ingat isteri. Dalam keterangannya ketika disoal balas, Yat Loy menyatakan bahawa dia tidak ingat dia menetak isterinya pada 16 Februari 2002. Apabila diajukan soalan bahawa masa menetak isterinya dia ada niat untuk membunuh isterinya, Yat Loy menjawab bahawa dia tidak ingat. Kepada soalan bahawa dia ada niat mencederakan isterinya, Yat Loy menyatakan bahawa dia tidak ingat. Apabila diajukan soalan bahawa dia tidak hilang akal masa menetak isterinya, Yat Loy menyatakan 'tidak dapat jawab. Saya langsung tidak ingat'.

[11] Di akhir kes, YA hakim bicara mendapati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah.

[12] Dalam hujahnya memohon rayuan Yat Loy dibenarkan, peguamnya mengemukakan dua alasan:

Alasan pertama

YA hakim bicara tidak menimbangkan pengecualian kepada s 300 Kanun Keseksaan

[13] Peguam berhujah bahawa YA hakim bicara telah membuat kesilapan kerana tidak menimbangkan Pengecualian-Pengecualian 1, 2 & 4 kepada s 300 Kanun Keseksaan (KK). Teras hujah peguam Yat Loy ialah bahawa pengecualian-pengecualian tersebut memang telah menjadi sebati (*built in*) dengan s 300 KK. Peguam berhujah, lantaran itu pihak pendakwaan perlu membuktikan bahawa pengecualian-pengecualian tersebut tidak terpakai. Untuk menyokong hujahnya peguam merujuk kepada kes *Chee Kim Seng & Anor v Public Prosecutor* [1962] 1 MLJ 32 sebagai autoriti. Kami tidak dapat menerima hujah tersebut. Pengecualian-pengecualian tersebut tidak ditimbulkan di Mahkamah Tinggi dan ditimbulkan buat pertama kalinya di hadapan Kami. Pengecualian 1 ialah pengecualian tentang bangkitan marah

yang besar dan mengejut (*grave and sudden provocation*). Pengecualian 2 ialah Pengecualian yang terpakai mengenai situasi di mana dalam menjalankan hak pertahanan persendirian (*private defence*) seseorang itu telah melebihi had yang ditetapkan oleh undang-undang. Manakala pengecualian 4 adalah pengecualian tentang pergaduhan mengejut (*sudden fight*). Ketiga-tiga pengecualian tersebut (jika terbukti) merendahkan pertuduhan membunuh kepada *culpable homicide not amounting to murder*. Adalah tidak betul untuk dikatakan bahawa pihak pendakwaan memikul beban untuk membuktikan bahawa pengecualian-pengecualian tersebut tidak terpakai. Adalah jelas bahawa jika seseorang dituduh dengan sesuatu kesalahan, beban untuk membuktikan wujudnya keadaan-keadaan yang membawa kesnya itu di bawah mana-mana pengecualian am di bawah Kanun Keseksaan, atau di bawah mana-mana pengecualian khas atau proviso yang terkandung dalam mana-mana bahagian Kanun Keseksaan, atau di bawah mana-mana undang-undang yang mendefinasikan kesalahan, terletak di bahu orang yang dituduh itu. Mahkamah hendaklah menganggapkan ketiadaan keadaan-keadaan tersebut. Ini diperuntukkan di bawah s 105 Akta Keterangan 1950:

> When a person is accused of any offence, *the burden of proving the existence of circumstances bringing the case* within any of the general exceptions in the Penal Code, or *within any special exception* or proviso contained in any other part of the same Code, or in any law defining the offence, *is upon him, and the court shall presume the absence of those circumstances.*
>
> ILLUSTRATIONS
>
> (a) A accused of murder alleges that by reason of unsoundness of mind he did not know the nature of the act. The burden of proof is on A.
>
> (b) A accused of murder alleges that by grave and sudden provocation he was deprived of the power of self-control.
>
> The burden of proof is on A.
>
> (c) Section 325 of the Penal Code provides that whoever, except in the case provided for by section 335, voluntarily causes grievous hurt shall be subject to certain punishments.
>
> A is charged with voluntarily causing grievous hurt under section 325.
>
> The burden of proving the circumstances, bringing the case under section 335, lies on A.

[14] Prinsip tersebut juga telah dijelaskan dalam beberapa keputusan mahkamah tertinggi di negara ini (lihat *Lee Thiam Beng v Public Prosecutor* [1972] 1 MLJ 248 (MP), *Lee Chin Hock v Public Prosecutor* [1972] 2 MLJ 30 (FMP), *Ikau anak Mail v Public Prosecutor* [1973] 2 MLJ 153 (MP), dan *Abdul bin Razak Dalek v Public Prosecutor* [2010] 4 MLJ 725; [2010] 6 CLJ 357

(MP), *Mohamed Kunjo v Public Prosecutor* [1978] 1 MLJ 51 (PC)). Dalam kes *Mohamed Kunjo v Public Prosecutor* (yang telah diikuti dalam kes *Public Prosecutor v Awang Raduan bin Awang Bol* [2006] 1 MLJ 332; [2005] 1 CLJ 649 (MP)), dalam rayuannya, perayu, yang telah disabitkan dengan kesalahan membunuh, buat kali pertamanya telah menimbulkan Pengecualian 4 kepada s 300 Kanun Keseksaan sebagai pembelaan. Dalam menyampaikan penghakiman Privy Council Lord Scarman menyatakan di ms 53–54:

> 300 Except in the cases hereinafter excepted culpable homicide is murder —
>
> …
>
> (c) if it is done with the intention of causing bodily injury to any person, and the bodily injury intended to be inflicted is sufficient in the ordinary course of nature to cause death;
>
> Exception 4 provides:
>
> > Culpable homicide is not murder if it is committed without premeditation in a sudden fight in the heat of passion upon a sudden quarrel, and without the offender having taken undue advantage or acted in a cruel or unusual manner.

The burden of proving the exception rests upon the defendant: s 105 of the Evidence Act.

The exception was not relied upon by the defence either at trial or before the Court of Criminal Appeal. It is not mentioned in the judgments of the High Court or the Court of Criminal Appeal. Can it now be raised for the first time?

Where trial has been by jury and the burden of proof is upon the prosecution to negative the defence, it is settled law that the judges must put to the jury all matters which upon the evidence could entitle the jury to return a lesser verdict than murder. And, if the judges fails to do so, the board will intervene, even if the matter was not raised below. For otherwise there would be the risk of a failure of justice. In *Kwaku Mensah v R* [1946] AC 83, Lord Goddard, giving the reasons of the board for allowing the appeal, said, at p 94:

> The principles on which this board acts in criminal cases are well known and need no repetition, but when there has been an omission to place before the jury for their consideration a matter of such grave importance that they were never led to consider whether in this respect the prosecution had discharged the onus which lay on them of proving murder as distinct from manslaughter, Their Lordships think that they can properly entertain the appeal. They would add that it must be seldom that they consider a matter which was not only not mentioned in the courts below, but was not included in the reasons given by the appellant in his case.

Although different considerations arise where, as here, the burden of proving the defence or exception is upon the defendant and trial is by judge (or judges) alone, Mr French for the public prosecutor has not contended either that s 105 of the Evidence Act*, or the*

mere fact of trial being by judges alone, precludes the board from considering a defence not raised below. But he does raise the point that it does not follow from a judges' silence as to a possible defence that he has ignored it. He may have thought the matter too plain for argument — more especially, if it has not been raised bv the defence. Moreover it would not, in our judgment assist the administration of criminal justice if there were to be cast upon the High Court the duty of reciting in judgment only to reject every defence that might have been raised but was not. Nevertheless there will be cases in which justice reguires the board to consider matters not mentioned in the court below. It is to be noted that in India, where there is also no trial by jury and the burden of proving the exception of 'sudden fight' is upon the defendant, the Supreme Court of India has considered and given effect to the exception, substituting a verdict of culpable homicide for one of murder, although the exception had not been relied on at trial: seeBudhwa v State of Madhva Pradesh AIR 1954 SC 652. *In our judgment a defence based upon an exception which the defendant has to prove may be raised for the first time before the board, if the board considers that otherwise there would be a real risk of failure of justice. The test must be whether there is sufficient evidence upon which a reasonable tribunal could find the defence made out.* If there be such evidence, the court of trial should have expressly dealt with it in its judgment and the judicial committee will deal with it on appeal, even though it has not been raised below.

[15] Dalam melepaskan beban tersebut orang yang kena tuduh boleh bergantung kepada keterangan dalam kes pihak pendakwaan. Persoalan penting yang mesti diputuskan ialah sama ada terdapat keterangan yang mencukupi untuk membuktikan pengecualian-pengecualian tersebut. Pada hemat kami jawapan kepada soalan tersebut adalah — 'tidak'. Untuk ini kami merujuk kembali kepada keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan:

(a) pada kira-kira jam 6.30 petang hari kejadian, SP8 terdengar suara riuh rendah dari rumah Yat Loy. Kemudian, nampak Yat Loy membawa dua bilah parang dan Ah Chai memegang sebilah parang mengelilingi kereta yang terletak di 'porch' rumah mereka. Kemudian SP8 nampak Yat Loy membaling sebilah parang (pemotong daging) ke arah Ah Chai yang ditepis oleh Ah Chai dengan papan. Selepas itu Ah Chai masuk ke dalam rumah mereka diikuti oleh Ah Chai;

(b) pada kira-kira jam 7.20 malam, SP9 yang baru sampai ke rumahnya (rumah No 2) dari tempat kerja, mendengar bunyi bising macam bunyi suami isteri bergaduh dari rumah Yat Loy. SP9 terus masuk ke rumahnya dan menonton TV. Semasa SP9 sedang menonton TV, SP9 terdengar bunyi pecahan kaca dan juga bunyi perempuan menangis dari rumah Yat Loy. SP9 keluar dari rumahnya dan berdiri di tepi pagar di antara rumahnya dan rumah Yat Loy. Melalui pintu rumah Yat Loy yang terbuka SP9 nampak Yat Loy dan Ah Chai di pintu bilik pertama. SP9 nampak pintu bilik pertama itu berlumuran darah. SP9 juga nampak Yat Loy sedang menekan bahu Ah Chai dengan tangan kiri sementara tangan kanannya memegang pisau. Pada masa itu Yat Loy berada dalam keadaan

berdiri dan Ah Chai pula berada dalam keadaan duduk di atas lantai. Menurut SP9, Yat Loy mencucuk kepala Ah Chai dengan pisau P7A. Masa melihat Yat Loy mencucuk kepala Ah Chai dengan pisau, SP9 menjerit dan berkata, 'Awak bodohkah, ini isteri kamu?'.
Yat Loy marah SP9 dan berkata, 'Ini bukan urusan awak, awak boleh belah!';

(c) apabila SP14 sampai ke tempat kejadian pada lebih kurang jam 8.28 malam, SP14 nampak Yat Loy dalam keadaan bersila di atas lantai dalam bilik hadapan di rumahnya. Di hadapan Yat Loy, SP14 mendapati Ah Chai dalam keadaan terbaring dengan banyak kesan kecederaan ditubuhnya;

(d) SP17, yang telah sampai di tempat kejadian pada lebih kurang jam 9 malam hari kejadian, menjumpai pisau (P7A) di atas tilam dalam bilik tersebut. SP17 juga menjumpai sebilah pisau pemotong (P11A) terlekat di celah cermin naco pintu masuk hadapan rumah Yat Loy;

(e) pisau P7A dan pisau pemotong P11A telah dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa. Ahli kimia Lim Kong Boon (SP7) telah memeriksa P7A dan P11A dan mendapati kesan-kesan titisan darah manusia di pisau-pisau tersebut. Setelah menjalankan ujian DNA SP7 mendapati profail DNA yang dimajukan dari titisan darah pada pisau P7A dan P11A sepadan dengan profail DNA dari contoh darah Ah Chai. Ini menunjukkan bahawa DNA yang diuji datangnya dari sumber yang sama. Menurut SP7, kemungkinan orang yang dipilih secara rambang yang tiada hubungan keluarga mempunyai profail DNA yang sepadan ialah lebih kurang satu dalam 170 trillion berdasarkan kepada pengkalan data penduduk Malaysia keturunan Cina. Keterangan ini menyokong kesimpulan bahawa pisau-pisau tersebut telah digunakan untuk mencederakan Ah Chai;

(f) kecederaan-kecederaan berganda ke atas tubuh Ah Chai seperti yang didapati oleh SP11 dalam menjalankan bedah siasat. Menurut SP11, hasil pemeriksaan luarannya adalah seperti berikut:

(i) Kepala dan leher
Terdapat 14 kesan luka hiris (*incised wound*) dan satu kesan abrasi (calar). Secara terperinci kesan luka hirisan terdapat pada bahagian sisi dalam mata kanan. Luka ini berukuran 1.5 x 0.5cm. Terdapat satu lagi luka hirisan di bahagian sisi luar mata kanan berserta bahagian atas muka kanan berukuran 7 x 1.5cm. Terdapat juga tulang muka yang terpotong. Di bahagian atas kepala terdapat luka hiris berukuran 5.5 x 0.5cm. Satu lagi luka hiris di bahagian kanan kepala berukuran 7 x 1cm dan juga terdapat bersama-samanya tulang tengkorak yang terpotong. Pada bahagian sisi kanan kepala berserta bahagian atas kanan telinga terdapat satu lagi luka hiris

berukuran 6 x 1cm. Pada bahagian kiri kepala terdapat satu lagi luka hiris yang dalam berukuran 9 x 2cm berserta tulang tengkorak yang telah terpotong. Satu lagi luka hiris yang dalam terdapat pada bahagian kiri belakang kepaia berukuran 6 x 1.5 cm berserta tulang tengkorak yang terpotong. Pada bahagian kiri belakang kepaia terdapat satu luka hiris kecil berukuran 2 x 0.3cm. Terdapat satu lagi luka hiris kecil di belakang kiri kepaia yang berukuran 2 x 0.3cm. Di bawah cuping telinga kiri itu berdekatan dengan dagu kiri terdapat dua luka hirisan berukuran 8 x 1cm dan 4.5 x 1cm. Pada bahagian belakang kiri kepala terdapat satu lagi kesan hiris berukuran 8 x 0.5cm. Pada bibir bawah terdapat satu luka hiris kecil berukuran 1.5cm panjang. Pada bahagian atas sebelah kiri leher terdapat luka hiris 6.5 x 1cm. Pada bahagian sisi hadapan sebelah kiri leher terdapat satu lagi luka hiris kecil berukuran 2cm panjang. Terdapat kesan abrasi (calar) pada bahagian hidung berukuran 1.5cm panjang;

(ii) Tubuh badan (*trunk*)
Ada dua kesan calar (abrasi) iaitu di bahu sebelah kiri belakang berukuran 9.5cm panjang berserta satu luka tembuk cetek berukuran 0.5cm diameter berserta kesan calar berukuran 2.5cm panjang.
Bahagian belakang atas tubuh badan juga ada satu lagi kesan abrasi berukuran 12.5 x 0.5 cm;

(iii) Anggota tangan
Terdapat kesemuanya 15 kesan dan luka kecederaan. Daripada 15 itu sepuluh luka hiris dan lokasinya ialah di bahagian kiri pergelangan tangan luka hiris kecil berukuran 2.5 x 1cm. Pada tangan tangan kiri bahagian belakang terdapat luka hiris dalam yang merupakan luka tangkis berukuran 10 x 4cm berserta tulang-tulang tangan yang telah terpotong. Terdapat juga luka hiris berukuran 5 x 1.5cm di bahagian telapak tangan kiri. Pada jari ketiga sebelah kiri terdapat luka hiris berukuran 3 x 0.5cm. Pada jari kelima sebelah kiri terdapat luka hiris berukuran 1.5 x 0.5cm. Pada bahagian belakang tangan kanan terdapat luka hiris (luka tangkis) berukuran 4.5 x 1cm. Pada bahagian kanan pergelangan tangan kanan terdapat luka hiris (luka tangkis) berukuran 4 x 1.5cm berserta tisu lembut dan tendon yang telah terpotong. Pada jari kedua, ketiga, keempat dan kelima tangan kanan terdapat luka hiris (luka tangkis) berukuran 9 x 1.5cm berserta tulang jari yang terpotong. Pada sendi jari kanan yang ketiga terdapat luka hiris (luka tangkis) berukuran 2 x 1.5cm berserta tulang jari yang terpotong. Pada sendi jari kedua kanan terdapat luka hiris (luka tangkis) berukuran 1.5 x 1cm. Pada ibu jari kiri terdapat luka hiris/luka tangkis berukuran 2.5cm x 0.5cm. Lima kesan abrasi terdapat pada lengan atas kiri berukuran 1 x 1.5cm

berserta kesan lebam berukuran 7 x 1.5cm. Pada lengan bawah kiri terdapat kesan abrasi berukuran 3.5cm panjang. Pada bahagian kiri lengan tangan terdapat kesan abrasi berukuran 4.5cm panjang. Pada bahagian kiri lengan tangan sebelah belakang terdapat tiga kesan abrasi yang setiap satunya berukuran 2cm, 1cm dan 1.5cm panjang. Menurut SP11 luka hiris berlaku apabila terdapat kesan luka yang panjang yang ukurannya lebih dari kedalamannya. Luka hiris adalah disebabkan objek atau senjata yang tajam seperti pisau. Kesan abrasi (calar) boleh disebabkan oleh objek yang tumpul atau objek yang tajam tetapi hanya mengenai bahagian epidemis atas kulit (selaput atas kulit). Luka hiris/tangkis ialah luka-luka tangkis yang dihasilkan sewaktu serangan. Ia dihasilkan pada waktu serangan berlaku apabila mangsa menangkis serangan tersebut.

Dalam pemeriksaan dalaman ke atas Ah Chai SP11 mendapati:

(A) Pada kepala dan leher

Kulit kepala sebelah kiri menunjukkan kesan-kesan lebam yang berpadanan dengan kesan luka hiris pada kepala. Otot kepala (otot *tempora-parietal*) juga tunjukkan kesan-kesan lebam. Juga kesan-kesan potong, juga serpihan tulang dalam lingkungan 5.5 x 1.5cm. Pada bahagian kiri belakang tulang tengkorak (*tempora-occipital area*) juga terdapat kesan potong juga serpihan tulang dalam lingkungan ukuran 7 x 0.5cm. Pada bahagian atas tulang tengkorak terdapat satu lagi kesan potong serta serpihan tulang 4.5cm panjang. Terdapat juga pendarahan pada selaput otak (*subarachnoid*).

Dalam pemeriksaan dalaman SP11 mendapati pada bahagian *thorax* kedua-dua belah paru-paru telah separuh kempis. Kecederaan sebabkan perdarahan yang banyak dan ini sebabkan paru-paru separuh kempis. Menurut SP11 serpihan tulang adalah akibat tetakan yang kuat pada tulang tengkorak.

Kesimpulan SP11 adalah seperti berikut. Luka-luka hiris yang berganda pada bahagian kepala serta bahagian anggota tangan telah mengakibatkan kehilangan darah yang banyak dan seterusnya mengakibatkan kematian si mati. SP11 juga membuat kesimpulan bahawa kecederaan luka hiris pada jasad si mati adalah bersesuaian dengan trauma tajam.

Menurut SP11 sebab kematian adalah pendarahan banyak yang disebabkan oleh luka-luka hiris berganda pada kepala. Dalam pandangan SP11, seseorang yang mengalami kesan luka hiris yang berganda yang mengakibatkan perdarahan yang banyak, pada kebiasaannya peluang untuk hidup adalah minima. Peluang untuk mangsa dalam kes ini untuk hidup adalah sedikit.

SP11 berpendapat kecederaan yang dialami oleh Ah Chai boleh dalam keadaan biasa kemungkinannya menyebabkan kematian;

(g) Yat Loy sendiri tidak mengalami sebarang kecederaan kecuali kecederaan kecil di ibu jari kiri (lihat gambar P3E dan gambar-gambar P3A hingga P3A D di ms 271–274 rekod rayuan).

[16] Berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang telah kami huraikan itu tiada keraguan di fikiran kami bahawa:

(a) kematian Ah Chai telah terbukti; dan

(b) kematian Ah Chai telah disebabkan oleh, atau akibat dari perbuatan Yat Loy.

[17] Soalnya ialah sama ada perbuatan Yat Loy itu telah dilakukan dengan niat yang ditetapkan di bawah s 300 Kanun Keseksaan. YA hakim bicara memutuskan bahawa perbuatan Yat Loy itu telah dilakukannya dengan niat hendak menyebabkan bencana tubuh kepada seseorang, dan bencana tubuh yang diniatkan hendak disebabkan itu adalah cukup pada lazimnya untuk menyebabkan kematian seperti yang diperuntukkan di bawah s 300(c) Kanun Keseksaan. Kami bersetuju dengan kesimpulan yang telah dibuat oleh YA hakim bicara itu. Dalam kes *Public Prosecutor v Megat Shahrizat Megat Shahrur* [2011] 5 CLJ 608 (disahkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Public Prosecutor v Megat Shahrizat bin Megat Shahrur* [2013] 3 MLJ 227; [2011] 8 CLJ 893), mahkamah ini telah menghuraikan pemakaian s 300(c) Kanun Keseksaan:

> [14] How the third limb of s 300 of the Indian Penal Code was to be applied was explained by the Indian Supreme Court in the oft cited case of *Virsa Singh v State of Punjab*:
>
> In our opinion, the two clauses are disjunctive and separate. The first is subjective to the offender:
>
> 'if it is done with the intention of causing bodily injury to any person.
>
> *It must of course, first be found that bodily injury was caused and the nature of the injury must be established,* that is to say, whether the injury is on the leg or the arm or the stomach, how deep it penetrated, whether any vital organs were cut and so forth. These are *purely objective facts* and leave no room for inference or deduction: to that extent the enquiry is objective; *but when it comes to the question of intention, that is subjective to the offender and it must be proved that he had an intention to cause the bodily injury that is found to be present.*
>
> (10) Once that is found, the enquiry shifts to the next clause:-
>
> 'and the bodily injury intended to be inflicted is sufficient in the ordinary course of nature to cause death.'

> The first part of this is descriptive of the earlier part of the section, namely, the infliction of bodily injury with the intention to inflict it that is to say, *if the circumstances justify an inference that a man's intention was only to inflict a blow on the lower part of the lea, or some lesser blow, and it can be shown that the blow landed in the region of the heart by accident, then, though an injury to the heart is shown to be present, the intention to inflict an injury in that region, or of that nature, is not proved.* In that case, the first part of the clause does not come into play. But once it is proved that there was an intention to inflict the injury that is found to be present, then the earlier part of the clause we are now examining —
>
> 'and the bodily injury intended to be inflicted'
>
> Is merely descriptive. *All it means is that it is not enough to prove that the injury found to be present is sufficient to cause death in the ordinary course of nature: it must in addition be shown that the injury is of the kind that falls within the earlier clause, namely, that the injury found to be present was the injury that was intended to be inflicted.* Whether it was sufficient to cause death in the ordinary course of nature is a matter of inference or deduction from the proved facts about the nature of the injury and has nothing to do with the question of intention. (Emphasis added.)

[15] Explaining how intention under the third limb of s 300 of the Indian Penal Code was to be decided, the Indian Supreme Court in *Virsa Singh* said:

> *In considering whether the intention was to inflict the injury found to have been inflicted, the enguiry necessarily proceeds on broad lines as, for example, whether there was an intention to strike at a vital or a dangerous spot, and whether with sufficient force to cause the kind of injury found to have been inflicted.* It is, of course, not necessary to enquire into every last detail as, for instance, whether the prisoner intended to have the bowels fall out, or whether he intended to penetrate the liver or the kidneys or the heart. Otherwise, a man who has no knowledge of anatomy could never be convicted, for, if he does not know that there is a heart or a kidney or bowels, he cannot be said to have intended to injure them. Of course, that is not the kind of enquiry. It is broad-based and simple and based on commonsense: the kind of enquiry that 'twelve good men and true' could readily appreciate and understand.

[16] *Virsa Singh* is followed in Malaysia (for example see *Chan Kwee Fong v Public Prosecutor* [2010] 1 MLJ 441 (CA), *Aziz Mat Shah v Public Prosecutor* [2010] 4 CLJ 305). *Virsa Singh* is also followed in Singapore (see *Public Prosecutor v Visuvanathan* [1978] 1 MLJ 159, *Mimi Wong & Anor v The Public Prosecutor* [1972] 2 MLJ 75).

[17] *Thus, under* s 300(c) of the Penal Code *it is not sufficient to prove that the injury found to be present is sufficient in the ordinary course of nature to cause death. In addition, it must also be proved that the injury found to be present was the injury that was intended bv the accused.* Reverting to the instant appeal, the public prosecutor contended (as he did before the trial judge)

that he had proved the offence of murder against Megat under s 300(c). The injuries present on the body of Shahira were established by the evidence of the forensic pathologist — Hamidah bt Abdul Jalil (SP8), who performed an autopsy on her body, and whose evidence was accepted by the learned trial judge. The details of the injuries are also s revealed in SP8's autopsy report (P8). SP8 found superficial abrasion of 1 x 1cm with surrounding contusion of upper surface of the lower lip situated to the left of the midline. She also found several contusions on Shahira's chest and abdomen, right upper limb and as well as lower limbs. On internal post-mortem, she found that Shahira's scalp showed effusion of blood (subgaleal haematoma) 4 x 3cm over the left back of the head. She found that the brain was softened and swollen which according to her could be due to either a fall or blunt trauma. She found that the left lobe of the liver showed a tear (rupture) of 8cm in length extending into the parenchyma with presence of sub capsular haematoma over 3 x 1cm area on the under surface of the right lobe of liver. She also found that the pancreas was cut into two with surrounding bleeding. She opined that these injuries were the result of blunt trauma. She concluded that the cause of death was rupture of the liver and pancreas due to a blunt trauma. *On the evidence before the court (upon purely objective enquiry following Virsa Singh), there is no doubt that the injuries found on Shahira (the rupture of the liver and the pancreas) were sufficient in the ordinary course of nature to cause death. The crucial question for the determination of the court was therefore whether Megat had intended to inflict those fatal bodily injuries — that is to say, that they were not accidental or unintentional, or that some other kind of injuries were intended.* In the court below this was a question of fact for the decision of the learned trial judge based on the evidence before her. *The enquiry proceeds on broad lines as, for example, whether there was an intention to strike at a vital or a dangerous spot, and whether with sufficient force to cause those kind of injuries (see Virsa Singh para 16). As an illustration, in R Punnayya, in undertaking this subjective enquiry whether the accused had the intention to inflict the injury found to be present, the court took into account that the accused had a motive to beat the deceased, the attack was premeditated and pre planned, lethal weapon was used, the unusually fierce, cruel and sadistic manner the beating was executed, the helplessness state of the unarmed victim, the intensity of the violence caused and the callous conduct of the accused in persisting in the assault even against the protest of feeling* bystanders. All these elements considered cumulatively led the court to the irresistible conclusion that the injuries caused by the accused to the deceased was intentional.

[18] Berbalik kepada keterangan dalam rayuan di hadapan kami. Dalam keterangannya, SP11 telah menyatakan pandangannya bahawa seseorang yang mengalami kesan luka hiris yang berganda yang mengakibatkan pendarahan yang banyak, pada kebiasaannya peluang untuk hidup adalah minima. Peluang untuk mangsa dalam kes ini hidup adalah sedikit. Menurut SP11, kecederaan Ah Chai boleh dalam keadaan biasa kemungkinannya menyebabkan kematian.

Bagi kami keterangan SP11 adalah mencukupi (berdasarkan inkuiri yang objektif semata-mata seperti yang diputuskan dalam kes *Virsa Singh v State of Punjab* AIR 1958 SC 465) untuk membuktikan bahawa kecederaan-kecederaan yang dialami oleh Ah Chai adalah mencukupi pada lazimnya untuk menyebabkan kematian. Soalnya ialah — sama ada Yat Loy berniat untuk menyebabkan kecederaan-kecederaan maut tersebut dalam ertikata kecederaan-kecederaan tersebut adalah tidak *accidental* atau tidak diniatkan atau kecederaan lain sebenarnya telah diniatkan? Setelah menimbangkan keseluruhan keterangan dalam kes ini terutama keterangan tentang banyaknya bilangan kecederaan yang dilakukan ke atas Ah Chai, bahagian tubuh Ah Chai di mana kecederaan-kecederaan tersebut dilakukan, parahnya kecederaan-kecederaan tersebut, senjata yang digunakan, serta reaksi Yat Loy yang dengan marah berkata:

> 'Ini bukan urusan awak, awak boleh belah!'

apabila ditegur oleh SP9 yang melihat Yat Loy mencucuk kepala Ah Chai dengan pisau, tiada keraguan di fikiran kami bahawa kecederaan-kecederaan yang dilakukan oleh Yat Loy ke atas isterinya itu memang diniatkan oleh Yat Loy.

[19] Selanjutnya, dalam pengamatan kami tidak terdapat keterangan yang mencukupi untuk membuktikan pengecualian-pengecualian 1, 2 dan 4 Kanun Keseksaan terpakai. Mengenai Pengecualian 1, tiada keterangan untuk menunjukkan bahawa Ah Chai telah melakukan sesuatu yang merupakan bangkitan marah apatah lagi bangkitan marah yang besar dan mengejut. Mengenai Pengecualian 2, tiada terdapat keterangan untuk menunjukkan bahawa telah berlaku serangan (*assault*) yang boleh semunasabahnya menyebabkan kebimbangan kepada Yat Loy bahawa kematian atau kecederaan parah akan berlaku, yang membolehkan dia menggunakan hak pertahanan persendirian sehingga menyebabkan kematian Ah Chai. Dari keseluruhan keterangan yang ada di hadapan mahkamah, terutama keterangan SP9 dan keterangan SP11 tentang luka-luka tangkis (*defence wounds*) yang dialami oleh Ah Chai, kesimpulan yang mesti dibuat ialah Yat Loylah yang telah menyerang Ah Chai. Mengenai kecualian 4, tiada terdapat keterangan tentang perkelahian mengejut yang berlaku di antara Yat Loy dan Ah Chai. Keterangan menunjukkan bahawa Yat Loy telah membaling parang ke arah Ah Chai dan kemudiannya mencucuk kepala Ah Chai dengan pisau. Kalau pun ada perkelahian mengejut, keterangan menunjukkan betapa banyak dan parahnya kecederaan yang telah dialami oleh Ah Chai jika dibandingkan dengan Yat Loy yang hanya mengalami luka kecil di jari kirinya. Tiada keterangan menunjukkan bahawa Ah Chai telah menggunakan sebarang senjata terhadap Yat Loy. Dari keseluruhan keterangan tersebut hanya satu kesimpulan sahaja yang mesti dibuat, iaitu, bahawa Yat Loy telah menggunakan senjata tajam bertubi-tubi ke atas Ah Chai sehingga menyebabkan kecederaan parah di

A tubuh Ah Chai yang membawa maut. Ertinya, jika diandaikan ada pergaduhan sekalipun, adalah jelas bahawa Yat Loy telah mengambil kesempatan yang berlebihan atau bertindak dengan kejam atau dalam cara yang luar biasa (*having taken undue advantage or acted in a cruel or unusual manner*). Jadi Pengecualian 4 tidak terpakai.

B

[20] Dalam penghakiman kami, YA hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila beliau memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie terhadap Yat Loy bagi kesalahan membunuh.

C

Alasan kedua

Silap faham YA hakim bicara terhadap kesimpulan yang dibuat oleh SP8

D

[21] Peguam berhujah bahawa YA hakim bicara telah membuat kesilapan apabila beliau memutuskan 'SB4 iaitu saksi pembelaan yang dengan jelas menyatakan bahawa dia tidak mendapati OYDT tidak siuman', sedangkan SB4 dalam keterangannya menyatakan:

E

> Berdasarkan keterangan yang ada saya tidak dapat simpulkan bahawa pada 16/2/2002 itu pesakit adalah tidak siuman.

Menurut peguam, YA hakim bicara telah silap apabila beliau membuat
F dapatan bahawa Yat Loy adalah siuman pada hari kejadian kerana keterangan menunjukkan bahawa 'SB4 could not reach any conclusion one way or the other'. Itu adalah teras hujah peguam untuk menyatakan bahawa pada hari kejadian Yap Loy adalah tidak siuman. Apabila disoal oleh kami, peguam menyatakan bahawa satu-satunya pembelaan Yat Loy ialah pembelaan am
G bahawa dia tidak siuman. Kami tidak dapat menerima hujah peguam itu.

[22] Pembelaan tidak siuman diperuntukkan di bawah s 84 Kanun Keseksaan:

H

> Nothing is an offence which is done by a person who, at the time of doing it, *by reason of unsoundness of mind,* is incapable of knowing the nature of the act, or that he is doing what is either wrong or contrary to law.

I **[23]** Berdasarkan kepada s 105 Akta Keterangan 1950, sepertimana pengecualian-pengecualian kepada s 300 Kanun Keseksaan, Yat Loy memikul beban untuk mengemukakan keterangan *on the balance of probabilities* bahawa pada hari kejadian dia tidak siuman seperti yang diperuntukkan di bawah s 84 Kanun Keseksaan.

[24] Prinsip-prinsip tentang pembelaan tidak siuman telah dinyatakan semula oleh mahkamah ini dalam *John a/k Nyumbei v Public Prosecutor* [2007] 7 MLJ 206; [2007] 2 CLJ 509:

> (11) This section exempts a person found to be insane of any criminal responsibility if it is found that he is 'incapable of knowing the nature of the act, or that he is doing what is either wrong or contrary to law' (see commentary in *Ratanlal and Dirajlal's Law of Crimes*, (25th Ed), p 280). The learned authors there further commented that a person 'is not protected if he knew that what he was doing was wrong, even though he did not know that it was contrary to law, and also, if he knew what he was doing was contrary to law even though he did not know that it was wrong.
>
> (12) Thus, under s 84 of the Penal Code, *criminality has to be determined according to that legal test and not merely by the mental state of an accused person according to the medical test.*
>
> (13) There is a distinction between the notion of a legal insanity and medical insanity. Not every form of insanity exempts a person from criminal responsibility. Only legal insanity provides that exemption under s 84 of the Penal Code. *The specie of insanity addressed by s 84 is the one that impairs the cognitive faculties of a person. Its nature and extent must be that to make the offender incapable of knowing the nature of his act, or that he is doing is wrong or contrary to law.* The criminality of an act therefore must be determined by this test laid down in s 84 as distinguished from the medical test (see *Ratanlal and Dhirajlal's Law of Crimes*, (25 Ed), p 280). As was stated recently by this court through the judgment of Ariffin Zakaria JCA (as he then was) in *Public Prosecutor v Muhammad Suhaimi Abdul Aziz* [2004] 1 CLJ 378:
>
> > It is settled law that the defence of insanity under s 84 is concerned with the accused's legal responsibility at the time of the alleged offence and not with whether he was medically insane at that time. See *Pendakwa Raya v Zainal Abidin bin Mat Zaid* [1993] 1 CLJ 147; *Public Prosecutor v Misbah bin Saat* [1998] 1 CLJ 759; [1997] 3 MLJ 495.
>
> (14) When the defence of insanity is raised the court thus needs to consider two matters, namely:
>
> > (i) whether the accused person has successfully established, as a preliminary issue, that *at the time of committing the act he was of unsound mind, and*
> >
> > (ii) *if he was of unsound mind, whether he has proven that his unsoundness of mind was of a* degree to satisfy one of the tests earlier mentioned ie, *that the accused was incapable* of knowing the nature of his act as being wrong or against the law (see *Ratanlal and Dhirajlal's Law of Crimes*, (5th Ed), p 289 et seq).
>
> (15) It is also settled law that the burden of proof rests on the person who raises the defence of insanity (see *Juraimi bin Hussein v Public Prosecutor* [1998] 2 CLJ 383 also *Baharom v Public Prosecutor* [1960] 26 MLJ 249). And it

A is only the accused person who has this right to raise a defence of insanity. It is not open to the court or the prosecution to raise it (see *Public Prosecutor v Misbah bin Saat*).

(16) The standard of proof upon the accused raising the defence of insanity is on a balance of probabilities, as in a civil case (*Rajagopal v Public Prosecutor* [1977] 1 MLJ 6, *Goh Yoke v Public Prosecutor* [1970] 1 MLJ 63). So, if the appellant here is able to show, either from the prosecution or other evidence that he committed the crime but was at that time insane, he cannot be culpable by virtue of s 84 of the Penal Code.

[25] Pada hemat kami, keterangan SB4 (Dr Cheah Yee Chuang), Pakar Psychiatry, Hospital Bahagia, Ulu Kinta, Ipoh, Perak hendaklah dinilai secara keseluruhannya. SB4 telah memeriksa Yat Loy pada 28 Februari 2005 dan sembilan kali selepas itu pada tarikh-tarikh yang telah dinyatakannya. Melalui *CT Scan* yang dijalankan untuk otak, SB4 mendapati Yat Loy adalah normal. Penilaian psychiatry dan ujian ingatan yang dibuat juga menunjukkan keputusan yang normal. Penemuan *cognitive* juga adalah normal. Menurut SB4, pemeriksaannya ke atas Yat Loy selama sepuluh kali adalah memadai serta dibantu oleh maklumat-maklumat dari dokumen-dokumen seperti pertuduhan, keterangan kes (daripada TPR), percakapan beramaran pesakit, laporan *post-mortem* dan *nursing report*. Seterusnya SB4 menyatakan:

> Berdasarkan keterangan yang ada saya tidak dapat simpulkan bahawa pada 16/2/2002 itu pesakit adalah tidak siuman.

Ertinya, berdasarkan kepada keterangan yang ada dia tidak dapat menyatakan bahawa pada 16 Februari 2002 Yat Loy tidak siuman. Apa yang jelas ialah SB4 tidak menyatakan bahawa dia tidak boleh mencapai sebarang kesimpulan 'one way or the other' seperti yang didakwa oleh peguam dalam hujahnya. Sebaliknya, dalam keterangan SB4, dia tidak dapat membuat dapatan (ertinya tidak dapat memutuskan) bahawa pada 16 Februari 2002 Yat Loy adalah tidak siuman. Ini adalah selaras dengan dan disokong oleh keterangan SB4 dalam pemeriksaan balas bahawa:

> Daripada pemeriksaan tidak didapati pesakit ada apa-apa penyakit mental masa kejadian.

[26] Selain itu keterangan mengenai kelakuan Yat Loy sejurus sebelum dan/atau pada masa kejadian menunjukkan keadaan mental Yat Loy. Ini jelas dari keterangan SP9. Semasa melihat Yat Loy mencucuk kepala Ah Chai dengan pisau, SP9 menjerit dan berkata, 'Awak sudah bodohkah, ini isteri kamu'.

Yat Loy marah SP9 dan berkata, 'Ini bukan urusan awak, awak boleh belah!'.

Pada hemat kami, kelakuan Yat Loy itu menunjukkan bahawa dia sedar apa

yang berlaku di sekelilingnya, dan apa yang sedang dilakukan. Dalam penghakiman kami pihak pembelaan telah gagal untuk mengemukakan keterangan *on the balance of probabilities* bahawa pada 16 Februari 2002 Yat Loy tidak siuman seperti yang diperuntukkan di bawah s 84 Kanun Keseksaan. Oleh itu YA hakim bicara telah tidak membuat kesilapan apabila beliau menolak pembelaan Yat Loy itu dan seterusnya memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan melampaui keraguan yang munasabah (*beyond reasonable doubt*) kesalahan membunuh terhadap Yat Loy seperti dalam pertuduhan terhadapnya.

[27] Rayuan Yat Loy ditolak. Sabitan dan hukuman mati terhadapnya disahkan.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor